

19 JUL 1999

Parlimen-Hak (Gulung)

HAK INDIVIDU TERTAKLUK KEPADA KEPENTINGAN MASYARAKAT

KUALA LUMPUR, 19 Julai (Bernama) -- Kerajaan berpendirian bahawa hak individu di negara ini adalah tertakluk kepada hak serta kepentingan masyarakat secara keseluruhannya, kata Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Beliau berkata kerajaan melaksanakan apa yang disarankan dalam konteks masyarakat madani apabila kebebasan yang diberikan kepada individu adalah dalam konteks tanggungjawab serta haknya kepada masyarakat.

Ketika menggulung perbahasan Rang Undang-Undang Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 pada persidangan Dewan Rakyat hari ini, Syed Hamid berkata adalah tidak adil bagi pembangkang menuduh kononnya undang-undang berbentuk pengawalan yang ada sekarang menyekat kebebasan rakyat dan mencabuli hak asasi manusia.

Beliau berkata undang-undang seperti Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dan Akta Rahsia Rasmi (OSA) bukan menjadi asas pemerintahan negara tetapi ada kala tertentu ia diperlukan untuk kebaikan negara terutamanya daripada segi kemamanan.

"Peristiwa 13 Mei 1969 harus menjadi iktibar bahawa apabila seseorang individu diberi kebebasan mutlak ia akan hanya membawa keburukan kepada negara," katanya.

Katanya gambaran yang diberikan parti pembangkang kononnya negara ini berada dalam keadaan gelap dan berlaku banyak pencabulan hak asasi manusia semenjak Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjadi Perdana Menteri, adalah bertentangan dengan fakta dan pembangunan negara.

Syed Hamid berkata sebenarnya kerajaan tidak perlu membentangkan rang undang-undang itu di Parlimen buat masa sekarang kerana masih banyak lagi negara di dunia belum menandatangani perisytiharaan antarabangsa mengenai hak asasi manusia.

Tetapi kerajaan membentangkan juga rang undang-undang itu kerana berasa bertanggungjawab untuk memberi pendidikan kepada rakyat mengenai hak asasi manusia, katanya.

Syed Hamid bagaimanapun tidak dapat menghabiskan ucapan penggulangannya kerana diganggu oleh Ketua Pembangkang Lim Kit Siang (DAP-Tanjong) dan beberapa anggota pembangkang lain yang meminta penjelasan.

Syed Hamid akan menyambung ucapannya apabila persidangan dewan disambung esok.

Perbahasan rang undang-undang itu telah menarik penyertaan 28 anggota.

-- BERNAMA

AKT NMO